

KENYATAAN MEDIA

RESPON KEPADA LAPORAN MEDIA MENGENAI BANJIR DAN MENDAPAN TANAH DI FLAT PKNS KAMPUNG BARU

Kuala Lumpur, 22 Oktober 2019: Kami merujuk kepada laporan-laporan media mengenai kejadian banjir dan mendapan tanah di flat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di Kampung Baru. Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) ingin memperbetulkan beberapa perkara dalam laporan-laporan tersebut.

Pertamanya, kami ingin menyatakan bahawa stesen Kampung Baru Utara, iaitu stesen MRT yang disebut di dalam laporan-laporan tersebut, tidak mempunyai apa-apa kerja pembinaan tiang pada masa ini seperti yang dilaporkan.

Kedua, kejadian banjir pada Okt 1 dan 18 telah berlaku di bahagian lencongan baru Sungai Bunus bersebelahan flat PKNS. Lencongan baru Sungai Bunus tersebut telah dibina di bawah projek tebatan banjir yang dimulakan pada tahun 2013. Kerja-kerja projek tersebut dilaksanakan oleh kontraktor di bawah penyeliaan pihak agensi kerajaan yang berkaitan. Kerja-kerja lencongan sungai tidak dimasukkan di bawah skop kerja Projek MRT dan kerja-kerja tersebut bukan di bawah penyeliaan MRT Corp ataupun kontraktor-kontraktornya.

Lencongan sungai baru itu, yang berada di luar kawasan kerja stesen MRT, telah dibuka pada 22 September 2019 oleh pihak agensi kerajaan yang berkenaan. Setelah lencongan tersebut dibuka, pihak projek MRT telah menerima kebenaran untuk menutup bahagian lama Sungai Bunus yang merentasi kekotak Stesen MRT Kampung Baru Utara untuk membolehkan kerja-kerja pembinaan diteruskan.

MRT Corp dan kontraktor kerja bawah tanah, MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd ingin menjemput Menteri Wilayah Persekutuan dan juga wakil-wakil daripada agensi-agensinya kerajaan yang berkenaan untuk lawatan ke tapak untuk membolehkan pihak kami menerangkan situasi yang disebut di atas.

Kedua-dua pihak kami juga ingin melahirkan rasa simpati kepada penghuni-penghuni flat PKNS yang menjadi mangsa kejadian banjir.

-tamat/-



Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Encik Leong Shen-Li
MRT Corp

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

Cik Amalina Ghazali
MRT Corp

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my